

Terma dan Syarat Khusus untuk Cabutan Hadiah Zest-i Account 2026
Berkuat Kuasa Mulai 1 Ogos 2026

1. Kelayakan

- 1.1. Cabutan Hadiah ini dianjurkan oleh Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 200701029411) ("**Bank**"). Dengan menyertai Cabutan Hadiah ini, Pemegang Akaun Yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 1.2 di bawah) bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Khusus ini serta sebarang keputusan yang dibuat oleh Bank berkaitan Cabutan Hadiah ini adalah muktamad, pasti dan mengikat.
- 1.2. Semua pelanggan yang memegang Zest-i Account yang baharu atau sedia ada ("**Akaun**") (yang terdiri daripada individu atau pemegang akaun bersama) adalah layak untuk menyertai Cabutan Hadiah ("**Pemegang Akaun Yang Layak**").
- 1.3. Hanya Pemegang Akaun Layak dengan akaun yang aktif semasa tempoh Cabutan Hadiah akan layak untuk menyertai Cabutan Hadiah. Akaun aktif ditakrifkan sebagai akaun dengan transaksi perbankan selama tempoh tiga (3) bulan secara berterusan atau tempoh yang ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara. Akaun yang tidak aktif (dorman) tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Cabutan Hadiah.
- 1.4. Akaun pelanggan yang telah meninggal dunia dan Akaun Beku adalah tidak layak untuk menyertai Cabutan Hadiah. Akaun Beku ditakrifkan sebagai akaun yang telah dihadkan atau digantung oleh Bank dari sebarang transaksi yang dijalankan termasuk pengeluaran wang (sepenuhnya atau untuk jumlah yang diperuntukkan), penerimaan dana atau pelepasan atau cek yang diberikan pada akaun yang lebih diterangkan dalam "Terma dan Syarat bagi Akaun Pelaburan Mudarabah Perbankan Islam".
- 1.5. Bagi Pemegang Akaun Bersama, hanya Pemegang Akaun Utama sahaja akan menjadi Pemegang Akaun Yang Layak.
- 1.6. Cabutan Hadiah ini layak kepada semua kakitangan Kumpulan Maybank, yang merujuk kepada Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 196001000142), subsidiari, syarikat berkaitan dan syarikat bersekutu termasuk Bank, **KECUALI** kakitangan yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang bagi Cabutan Hadiah ini.

2. Mekanisma

- 2.1. Kategori Cabutan Hadiah
 - a) Pemegang Akaun Yang Layak yang memenuhi kriteria Cabutan Hadiah bagi salah satu dari kategori berikut akan mendapat satu (1) ataupun berbilang penyertaan untuk kategori Cabutan Hadiah masing-masing.

Bagi tujuan Cabutan Hadiah ini:

- i. Baki Purata Harian ("**BPH**") merujuk kepada purata baki yang dikekalkan dalam akaun Pemegang Akaun Yang Layak sepanjang Tempoh Kelayakan.
 - ii. Baki Akhir Bulan ("**BAB**") merujuk kepada baki yang dikekalkan dalam akaun Pemegang Akaun Yang Layak pada akhir setiap bulan kalendar dalam Tempoh Kelayakan.
- b) "**Tempoh Kelayakan**" diiktirafkan sebagai tempoh merangkumi satu tahun kalendar, bermula dari 1 Januari 2026 dan berakhir pada 31 Disember 2026. Sebarang hadiah yang diberikan kepada pemenang selain Tempoh Kelayakan dianggap sebagai hibah (hadiah) mengikut budi bicara Bank.
- c) Penambahan BPH dalam akaun merujuk kepada perbezaan dalam BPH pada bulan masing-masing berbanding dengan BPH dalam Akaun untuk bulan sebelumnya ("**Garis Dasar**"). "Tempoh" tersebut merujuk kepada bulan kalendar, suku tahun atau tahun, bergantung pada kategori hadiah.
- d) "Garis Dasar" diiktirafkan seperti Jadual 1 di bawah:

NO.	JENIS PELANGGAN	GARIS DASAR
1.	Pemegang Zest-i Account baharu	Garis dasar adalah RM 0
2.	Pemegang Zest-i Account sedia ada	Garis dasar adalah BPH bagi tempoh sebelumnya (iaitu bulanan/ suku tahunan/ tahunan sebelumnya).

Jadual 1 menunjukkan definisi bagi "Garis Dasar"

- e) "**Baki Purata Harian ("PBH")**" ditakrifkan seperti Jadual 2 di bawah:

NO	JENIS PELANGGAN	BUTIRAN
1.	Pemegang Akaun Baharu	Bagi akaun yang dibuka pada bulan-bulan yang tertentu, BPH bagi bulan tersebut ditentukan dengan mengira jumlah setiap baki akhir harian bermula dengan hari akaun dibuka sehingga hari terakhir bulan kalendar.
2.	Pemegang Akaun Sedia Ada	Bagi akaun yang dibuka sebelum bulan-bulan yang tertentu, BPH bagi akaun untuk bulan tersebut ditentukan dengan mengira jumlah setiap baki akhir harian dalam akaun tersebut; dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan kalendar tersebut.

Jadual 2 menunjukkan definisi bagi "Baki Purata Harian ("PBH")"

f) Kategori hadiah adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah;

Kategori	Cabutan	Kriteria	Kriteria Khas
Cabutan Tahunan	Millionaires Draw	a) Satu (1) penyertaan bagi setiap pertambahan BPH sebanyak RM1,000; dan	Tidak berkenaan
	Dream Ride Draw	b) Mengekalkan BAB sebanyak RM1,000 setiap bulan dalam Tempoh Kelayakan	Tidak berkenaan
Cabutan Suku Tahunan	Rebut Draw	a) Satu (1) penyertaan bagi setiap pertambahan BPH sebanyak RM300; dan b) Mengekalkan BAB sebanyak RM300 setiap bulan dalam Tempoh Kelayakan	Tidak berkenaan
	Prime Draw		Terbuka hanya kepada pemenang yang berumur empat puluh (40) tahun dan ke atas, iaitu mereka yang dilahirkan pada atau sebelum tahun 1986, berdasarkan tarikh lahir yang didaftarkan dengan Bank.
Cabutan Bulanan	His & Her Draw	a) Satu (1) penyertaan bagi setiap pertambahan BPH sebanyak RM200; dan b) Mengekalkan BAB sebanyak RM200 dalam Tempoh Kelayakan.	Seorang (1) pemenang daripada peserta lelaki dan seorang (1) pemenang daripada peserta wanita.
	States Draw		Seorang (1) pemenang dari setiap negeri di Malaysia.
Cabutan Bulanan Khas	Fresh Starts Draw	a) Satu (1) penyertaan bagi setiap pertambahan BPH sebanyak RM500; dan	Akaun dibuka kurang daripada dua belas (12) bulan.
	Welcome Rewards	b) Mengekalkan BAB sebanyak RM500 dalam Tempoh Kelayakan.	Akaun mestilah dibuka melalui aplikasi MAE sahaja. Berdasarkan konsep "siapa cepat, dia dapat".

Jadual 3 menunjukkan kategori Hadiah bagi Zest-i Account

3. Hadiah dan Pemenang

- 3.1. Pemegang Akaun Yang Layak hanya berhak mendapat maksimum: -
 - a) Satu (1) hadiah di bawah kategori "Cabutan Bulanan Khas" dalam Tempoh Kelayakan; dan/atau
 - b) Satu (1) hadiah di bawah kategori "Cabutan Bulanan" dalam tempoh tiga (3) bulan; dan/atau
 - c) Satu (1) hadiah di bawah kategori "Cabutan Suku Tahun" setiap Tempoh Kelayakan; dan/atau
 - d) Satu (1) hadiah di bawah kategori "Cabutan Tahunan" setiap Tempoh Kelayakan.
- 3.2. Tempoh bagi Cabutan Hadiah akan dijalankan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas tamat setiap tempoh yang berkenaan (Bulanan, Suku Tahunan atau Tahunan) sepanjang Tempoh Kelayakan atau dalam tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) terdahulu mengenainya. Untuk penjelasan:
 - a) Cabutan Bulanan Khas akan dijalankan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas tamat setiap bulan kalendar;
 - b) Cabutan Bulanan akan dijalankan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas tamat setiap bulan kalendar;
 - c) Cabutan Suku Tahunan akan dijalankan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas tamat setiap suku tahun kalendar (contohnya, S1 tamat pada 31 Mac 2026, S2 tamat pada 30 Jun 2026, dan sebagainya);
 - d) Cabutan Tahunan akan dijalankan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas tamat tahun kalendar (31 Disember 2026).
- 3.3. Semua pemenang hadiah akan dimaklumkan melalui laman sesawang Maybank di www.maybank2u.com.my dan/atau melalui mana-mana saluran lain sesuai mengikut Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas cabutan hadiah. Bank berhak untuk menggantikan hadiah-hadiah tersebut dengan nilai yang setara bergantung kepada ketersediaan stok. Untuk Akaun Bersama, hanya Pemegang Akaun Utama akan dimaklumkan.
- 3.4. Pemenang bulanan tidak akan layak untuk cabutan bulanan selama tiga (3) bulan berikutnya. Walau bagaimanapun, pemenang bulanan masih layak untuk memenangi hadiah cabutan Suku Tahunan dan Hadiah Tahunan.
- 3.5. Keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pemilihan pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat pada Pemegang Akaun Yang Layak dan surat-menyurat dan/atau rayuan-rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayan.
- 3.6. Bank berhak untuk menyemak semula kriteria, kelayakan, keperluan penyertaan dan kekerapan cabutan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari ("hari" merujuk kepada hari kalendar).

- 3.7. Pemenang Cabutan Hadiah dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mendedahkan butiran hubungan mereka kepada vendor untuk tujuan pemenuhan dan/atau pendaftaran hadiah.
- 3.8. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan lain dan mesti diterima mengikut keadaannya. Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang perubahan nilai hadiah disebabkan oleh fluktuasi pasaran. Pemenang tidak boleh memilih atau menukar warna, jenama, atau model hadiah. Jika Pemenang gagal mematuhi Terma dan Syarat, gagal menghadiri dan/atau tidak mengambil bahagian dalam majlis pemberian hadiah, atau membuat tuntutan yang tidak munasabah, Bank boleh membatalkan hadiah dan memilih Pemenang baru.
- 3.9. Tuntutan hadiah mesti dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan oleh Bank (contohnya panggilan telefon, e-mel, aplikasi MAE atau apa-apa kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank). Sebagai contoh, Pemenang untuk bulan Januari 2026 yang mana pemberitahuan di buat pada bulan Februari 2026, harus menuntut hadiah mereka dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan dibuat iaitu sebelum bulan Jun 2026. Pemenang yang gagal menuntut hadiah mereka dalam tempoh masa yang ditetapkan akan terbatal dan dianggap telah kehilangan kelayakan mereka. Tuntutan lewat tidak akan dilayan oleh Bank.
- 3.10. Untuk tujuan penebusan semua jenis hadiah, Bank boleh meminta pemenang mengemukakan dokumen tertentu untuk tujuan pengesahan. Jika pemenang diwakili oleh pihak ketiga, satu surat kebenaran bertulis hendaklah disediakan oleh pemenang bagi pelantikan wakil tersebut. Perincian mengenai proses penebusan dan pemenuhan hadiah dinyatakan di bawah Klausula 3.12.

3.11. Butiran Pemenuhan dan Pengambilan Hadiah adalah seperti berikut:

a) **Hadiah Tunai**

- i. Hadiah tunai akan dikreditkan terus ke Zest-i Account Pemenang dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh pengumuman Pemenang, tertakluk kepada kesiapsiagaan sistem dan kejayaan pemrosesan pihak Bank.
- ii. Pemenang dinasihatkan memastikan akaun mereka kekal aktif dan berada dalam keadaan baik sepanjang tempoh pemenuhan. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan mengkredit hadiah akibat akaun yang tidak aktif atau digantung.

b) **Hadiah Bukan Tunai** (contoh: peranti elektronik, baucar, dan lain-lain)

- i. Hadiah bukan tunai akan dihantar oleh Bank ke cawangan bank yang didaftarkan oleh Pemenang seperti yang tercatat dalam sistem Bank. Setelah hadiah tersedia, cawangan akan menghubungi Pemenang untuk tujuan pengambilan hadiah.
- ii. Bank tidak akan mempertimbangkan sebarang permintaan penghantaran ke lokasi lain atau pengambilan oleh pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis yang sah. Bank tidak bertanggungjawab terhadap kelewatan pemenuhan atau kehilangan hak hadiah akibat maklumat pelanggan yang salah atau lapuk, atau kegagalan Pemenang untuk memaklum balas dalam tempoh pengambilan yang ditetapkan di bawah Klausula 3.11.

a) **Hadiah Kenderaan**

- i. Pemenang hadiah kenderaan mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah yang dianjurkan oleh Bank. Proses pendaftaran, dokumentasi, dan penghantaran akan dikendalikan oleh vendor atau rakan kongsi yang dilantik oleh Bank.
- ii. Bank dan/atau vendor tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, atau kelewatan yang berlaku akibat kegagalan Pemenang mematuhi arahan atau menghadiri majlis seperti yang dijadualkan.
- iii. Sekiranya Pemenang tidak dapat atau enggan menghadiri majlis penyampaian hadiah atau memenuhi keperluan penyerahan yang disarankan oleh Bank atau vendor yang dilantik, Bank berhak untuk memilih Pemenang alternatif mengikut mekanisme Cabutan Hadiah.

d) **Hadiah Sijil Deposit Tetap Islamik-i (IFD-i)**

- i. Pemenang hadiah Sijil IFD-i akan menerima Deposit Tetap Islamik-i (IFD-i) tanpa sijil bernilai RM10,000 dengan tempoh penempatan selama enam (6) bulan. Setelah pemenang mengesahkan dan mengemukakan borang permohonan yang telah ditandatangani di cawangan akaun didaftarkan, Pihak Bank akan terus membuat penempatan tersebut di bawah nama Pemenang sama ada Pemenang merupakan pelanggan baharu atau sedia ada selaras dengan terma dan syarat Bank yang berkuat kuasa.

- ii. Pemenang boleh melihat dan mengesahkan Sijil IFD-i melalui aplikasi MAE, aplikasi/laman sesawang Maybank2u, atau dengan menghubungi/pergi ke cawangan akaun didaftarkan.
 - iii. Pihak Bank berhak untuk menetapkan tempoh pelaburan serta butiran pengeluaran berdasarkan keperluan operasi.
- e) **Hadiah Emas Digital (melalui Maybank Islamic Gold-i Account (MIGA-i))**
- i. Pemenang Hadiah Emas Digital akan menerima hadiah melalui MIGA-i akaun. Pemenang yang belum mempunyai akaun dikehendaki mendaftar/membuka MIGA-i akaun dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan oleh Bank dengan pengaktifan minimum RM10, manakala pemegang akaun sedia ada perlu memastikan akaun aktif dengan baki sekurang-kurangnya RM10.
 - ii. Kegagalan membuka atau mengaktifkan akaun dalam tempoh yang ditetapkan oleh Bank akan mengakibatkan kehilangan hak hadiah.
 - iii. Nilai emas (dalam gram) akan dikreditkan berdasarkan harga emas semasa pada masa pemenuhan, tertakluk kepada Terma dan Syarat MIGA-i.

- 3.12. Sekiranya Pemenang meninggal dunia selepas pemberitahuan hadiah, waris terdekat, wakil sah atau pentadbir harta pusaka boleh menuntut hadiah dalam tempoh tiga (3) bulan bagi hadiah tunai dan bagi hadiah bukan tunai, bermula dari tarikh pemberitahuan, tertakluk kepada pengesahan oleh Bank ke atas dokumen sokongan yang berkaitan.

Pengesahan tersebut boleh merangkumi, tanpa had, sijil kematian Pemenang yang telah meninggal dunia, dokumen pengenalan diri Pemenang yang telah meninggal dunia dan pihak penuntut, bukti hubungan, dan/atau dokumen perundangan yang membuktikan kuasa pihak penuntut untuk bertindak bagi pihak harta pusaka Pemenang yang telah meninggal dunia. Bank berhak untuk meminta dokumen tambahan lain sebagaimana yang difikirkan perlu sebelum penyerahan hadiah.

Sekiranya Pemenang dimasukkan ke hospital atau mengalami ketidakupayaan perubatan, Pemenang atau wakil yang diberi kuasa boleh memohon lanjutan tempoh pengambilan hadiah, tertakluk kepada pengesahan Bank terhadap dokumen perubatan yang sah, dengan lanjutan maksimum enam (6) bulan dari tarikh pemberitahuan. Kegagalan menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan, termasuk sebarang lanjutan yang diluluskan, akan mengakibatkan hadiah terbatal. Dimana, Bank mempunyai budi bicara untuk menarik semula dan/atau memilih mana-mana orang lain sebagai pemenang hadiah mengikut cara-cara yang dianggap sesuai oleh Bank.

- 3.13. Imej hadiah (jika ada) dalam mana-mana risalah, pemasaran atau bahan Cabutan Hadiah yang berkaitan dengan Cabutan Hadiah adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

- 3.14. Hadiah-hadiah tidak termasuk sebarang aksesori atau item yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan dan/atau bahan promosi kerana ia hanya adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- 3.15. Bank tidak bertanggungjawab ke atas sebarang cukai yang mungkin dikenakan dari hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau pembayaran cukai (jika ada) disebabkan oleh sebarang penguasaan cukai hasil daripada penerimaan hadiah adalah menjadi tanggungjawab Pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang Hadiah untuk mendapatkan nasihat cukai tersendiri mengenai kemungkinan tanggungjawab cukai yang ada terhadap situasi kewangan mereka.
- 3.16. Sebarang pertikaian berkaitan dengan kualiti, kebolehdagangan untuk diniagakan, dan/atau waranti Hadiah (jika berkaitan) hendaklah diselesaikan secara langsung oleh Pemenang dengan peniaga/pembekal tanpa melibatkan Bank. Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang isu berkaitan kualiti atau waranti hadiah atau sebarang terma dan syarat yang berkaitan.
- 3.17. Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Akaun Yang Layak daripada menyertai Cabutan Hadiah ini dan/atau daripada menerima Hadiah atas sebab-sebab berikut:
- a) Jika akaun Pemegang Akaun Yang Layak adalah tertunggak, telah disekatkan, dibatalkan, ditutup atau ditamatkan atas apa jua sebab, pada atau sebelum pemenuhan Hadiah; dan/atau
 - b) Jika Pemegang Akaun Yang Layak melanggar mana-mana terma dan syarat Maybank dan/atau gagal mematuhi mana-mana fasiliti yang diberikan oleh Maybank pada bila-bila masa; dan/atau
 - c) Jika Pemegang Akaun Yang Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang salah laku, penipuan atau perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- 3.18. Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan "Terma dan Syarat bagi Akaun Pelaburan Mudarabah Perbankan Islam" yang boleh diakses di maybank.my/zesti.

4. Ilustrasi & Senario

4.1. Jadual 4 di bawah menyediakan beberapa ilustrasi mengenai cara-cara penyertaan Cabutan Hadiah boleh diperolehi:

TARIKH	BUTIRAN	PENYERTAAN CABUTAN HADIAH
Senario 1 – Kategori “Hadiah Bulanan”		
Pelanggan A adalah pelanggan baharu yang membuka Zest-i Account pada 1 Mei 2026.		
1 Mei 2026	Pelanggan A melabur RM5,000 ke dalam Zest-i.	1. Penambahan Baki Purata Harian (“BPH”)
20 Mei 2026	Pelanggan A melabur RM1,000 ke dalam Zest-i.	- BPH untuk Mei 2026 $= [(19 \text{ hari} \times \text{RM}5,000) + (11 \text{ hari} \times \text{RM}6,000) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}4,000)] \div 31 \text{ hari}$ $= (\text{RM}95,000 + \text{RM}72,000 + \text{RM}4,000) \div 31 \text{ hari}$ $= \text{RM}5,322.58$ - Garis dasar Mei 2026 = RM 0 - Penambahan BPH $= \text{RM}5,322.58 - \text{RM} 0$ $= \text{RM}5,322.58$ - Penyertaan untuk Mei 2026 $= \text{RM}5,322.58 \div \text{RM}200$ $= \mathbf{26 \text{ penyertaan}}$
31 Mei 2026	Pelanggan A mengeluarkan RM2,000 daripada Zest-i.	
		2. Baki Akhir Bulanan (“BAB”)
		- BAB untuk Mei 2026 $= \text{RM}5,000 + \text{RM}1,000 - \text{RM}2,000$ $= \text{RM}4,000$ - Oleh itu, melebihi minimum BAB RM200.

Jadual 4(a) menunjukkan ilustrasi Senario 1 bagi kategori “Bulanan”

TARIKH	BUTIRAN	PENYERTAAN CABUTAN HADIAH
Senario 2 – Kategori “Hadiah Bulanan” Pelanggan B ialah Pelanggan sedia ada. Bagi bulan Mac 2026, Pelanggan B mempunyai Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM 5,000 dan Baki Akhir Bulanan sebanyak RM 4,000 dalam Zest-i Account.		
1 April 2026	Pelanggan B melabur RM4,500 ke dalam Zest-i Account.	1. Penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) - BPH untuk April 2026 $= [(21 \text{ hari} \times \text{RM}8,500) + (9 \text{ hari} \times \text{RM}8,000)] \div 30 \text{ hari}$ $= \text{RM}178,500 + 72,000 \div 30 \text{ hari}$ $= \text{RM } 8,350$ - Garis Dasar April 2026 = RM 5,000 - Penambahan BPH $= \text{RM}8,350 - \text{RM } 5,000$ $= \text{RM } 3,350$ - Penyertaan untuk kategori “Hadiah Bulanan” bagi April 2026 $= \text{RM } 3,350 \div \text{RM}200$ $= \textbf{16 penyertaan}$
22 April 2026	Pelanggan B mengeluarkan RM500 dari Zest-i.	
		2. Baki Akhir Bulanan (“BAB”) - BAB untuk April 2026 $= \text{RM } 4,000 + \text{RM } 4,500 - \text{RM } 500$ $= \text{RM } 8,000$ - Oleh itu, melebihi minimum BAB RM200.

Jadual 4(b) menunjukkan ilustrasi Senario 2 bagi kategori “Bulanan”

TARIKH	BUTIRAN	PENYERTAAN CABUTAN HADIAH
Senario 3 – Kategori “Suku Tahunan” dan “Hadiah Tahunan”. Pelanggan C ialah pelanggan baharu yang membuka Zest-i Account pada 1 Oktober 2026.		
1 Oktober 2026	Pelanggan C melabur RM15,000 ke dalam Zest-i.	1. Penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) Pengiraan Penyertaan Cabutan Bulanan a) Oktober 2026 - BPH untuk Oktober 2026 $= [(19 \text{ hari} \times \text{RM}15,000) + (12 \text{ hari} \times \text{RM}16,000)] \div 31 \text{ hari}$ $= (\text{RM}285,000 + \text{RM}192,000) \div 31 \text{ hari}$ $= \text{RM}15,387.10$ - Garis Dasar October 2026 = RM 0 - Penambahan BPH $= \text{RM}15,387.10 - \text{RM} 0$ $= \text{RM}15,387.10$ - Penyertaan untuk kategori “Hadiah Bulanan” untuk Oktober 2026 $= \text{RM}15,387.10 \div \text{RM}200$ $= \mathbf{76 \text{ penyertaan}}$ b) November 2026 - BPH untuk November 2026 $= [(30 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) \div 30 \text{ hari}]$ $= \text{RM}16,000.00$ - Garis Dasar November 2026 = RM15,387.10 - Baki Penambahan BPH $= \text{RM}16,000.00 - \text{RM}15,387.10$ $= \text{RM}612.90$ - Penyertaan untuk kategori “Hadiah Bulanan” untuk November 2026 $= \text{RM}612.90 \div \text{RM} 200$
20 Oktober 2026	Pelanggan C melabur RM1,000 ke dalam Zest-i Account.	
30 November 2026	Tiada rekod pengeluaran dari Zest-i Account sejak transaksi terakhir pada 20 Oktober 2026	
16 Disember 2026	Pelanggan C melabur RM10,000 ke dalam Zest-i Account.	

		= <u>3 penyertaan</u> c) <u>Disember 2026</u> - BPH untuk Disember 2026 $= [(15 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) + (16 \text{ hari} \times \text{RM}26,000.00)] \div 31 \text{ hari}$ $= (\text{RM}240,000.00 + \text{RM}416,000.00) \div 31 \text{ hari}$ $= \text{RM}21,161.29$ - Garis Dasar Disember 2026 = RM16,000.00 - Baki Penambahan BPH $= \text{RM}21,161.29 - \text{RM}16,000.00$ $= \text{RM}5,161.29$ - Penyertaan untuk kategori "Hadiah Bulanan" untuk Disember 2026 $= \text{RM}5,161.29 \div \text{RM}200$ $= \textbf{25 penyertaan}$ <u>Pengiraan Penyertaan Cabutan Suku Tahun</u> - BPH untuk Suku Tahun (Oktober – Disember 2026) $= [(19 \text{ hari} \times \text{RM}15,000.00) + (12 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) + (30 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) + (15 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) + (16 \text{ hari} \times \text{RM}26,000.00)] \div 92 \text{ hari}$ $= (\text{RM} 285,000.00 + \text{RM}192,000.00 + \text{RM}480,000.00 + \text{RM}240,000.00 + \text{RM}416,000.00) \div 92 \text{ hari}$ $= \text{RM}1,613,000.00 \div 92 \text{ hari}$ $= \text{RM}17,532.60$ - Garis Dasar Suku Tahunan = RM 0 - Penambahan BPH $= \text{RM}17,532.60 - \text{RM} 0$ $= \text{RM}17,532.60$
--	--	---

		- Penyertaan untuk kategori "Suku Tahunan" $= \text{RM}17,532.60 \div \text{RM}300$ $= \mathbf{58 \text{ penyertaan}}$ <u>Pengiraan Penyertaan Cabutan Hadiah Tahunan</u> - BPH untuk Hadiah Tahunan (Oktober – Disember 2026) $= [(19 \text{ hari} \times \text{RM}15,000.00) + (12 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) + (30 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) + (15 \text{ hari} \times \text{RM}16,000.00) + (16 \text{ hari} \times \text{RM}26,000.00)] \div 92 \text{ hari}$ $= (\text{RM} 285,000.00 + \text{RM}192,000.00 + \text{RM}480,000.00 + \text{RM}240,000.00 + \text{RM}416,000.00) \div 92 \text{ hari}$ $= \text{RM}1,613,000.00 \div 92 \text{ hari}$ $= \text{RM}17,532.61$ - Garis Dasar Tahunan = RM 0 - Penambahan BPH $= \text{RM}17,532.61 - \text{RM} 0$ $= \text{RM}17,532.61$ - Penyertaan untuk kategori "Hadiah Tahunan" $= \text{RM}17,532.61 \div \text{RM}1,000$ $= \mathbf{17 \text{ penyertaan}}$ <u>2. Baki Akhir Bulanan ("BAB")</u> - BAB untuk Oktober 2026 $= \text{RM}15,000 + \text{RM}1,000$ $= \text{RM}16,000$ - BAB untuk November 2026 $= \text{RM}16,000$ - BAB untuk Disember 2026 $= \text{RM}16,000 + \text{RM}10,000$ $= \text{RM}26,000$
--	--	--

		Oleh itu, melebihi minimum BAB RM300 untuk Suku Tahun dan RM1,000 untuk Hadiah Tahunan
--	--	--

Jadual 4(c) menunjukkan ilustrasi Senario 3 bagi kategori "Suku Tahunan" dan "Tahunan"

5. Terma dan Syarat Umum

- 5.1. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan apa-apa jenis kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara yang sama bukan disebabkan oleh Bank.
- 5.2. Bank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Cabutan Hadiah ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan berhak untuk mengubah suai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) terdahulu mengenainya, yang mana notisnya hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan sesuai oleh Maybank. Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Akaun Yang Layak untuk dimaklumkan atau sebaliknya mendapatkan sebarang notis yang disiarkan secara sah.
- 5.3. Dengan menyertai Cabutan Hadiah ini, Pemegang Akaun Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala untuk melihat terma dan syarat di sini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma & Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4. Dengan menyertai Cabutan Hadiah ini, Pemegang Akaun Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan bersetuju serta membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank menurut Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Penyata Privasi Maybank") dan Borang untuk Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang untuk Pelanggan Individu di bawah PDPA 2010, Pemegang Akaun Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank untuk:

- a) tujuan Cabutan Hadiah; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau media publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui

akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital dan di Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tanpa had penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank berhubung dengan Cabutan Hadiah.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (*Personal Data Protection Act*) (2010).

- 5.5. Bank dan pegawai, pekhidmat, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat oleh Bank untuk tujuan Cabutan Hadiah ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun Yang Layak dalam Cabutan Hadiah ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan Cabutan Hadiah ini melainkan disebabkan oleh sebarang kecuai atau peninggalan yang teruk oleh Bank.
- 5.6. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran obligasinya di bawah Cabutan Hadiah ini disebabkan oleh sebarang kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan kepada tindakan Tuhan, kekacauan awam, peperangan, mogok, rusuhan, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang kejadian dan keadaan walau apapun sifat yang di luar kawalan yang munasabah Bank
- 5.7. Bank boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pemegang Akaun Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Cabutan Hadiah dan/atau prosesnya atau operasi Cabutan Hadiah ini yang termasuk termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Cabutan Hadiah ini
- 5.8. Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Cabutan Hadiah ini, sila hubungi talian hotline Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Bank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.